

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

Perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini dibahagikan kepada lapan bahagian utama iaitu bahagian pertama ialah pengenalan terhadap kurikulum dan komponen yang berkaitan dalam kurikulum. Bahagian kedua dibincangkan mengenai perkembangan pendidikan bahasa isyarat di dunia dan perkembangan pendidikan bahasa isyarat di Malaysia. Manakala bahagian ketiga membincangkan perkembangan kurikulum bahasa isyarat di dunia dan di Malaysia. Seterusnya, pada bahagian keempat dibincangkan perkembangan pendidikan fardhu ain kepada golongan pekak. Kemudian, pada bahagian kelima dibincangkan mengenai definisi bahasa isyarat, dan tujuan penggunaan bahasa isyarat kepada orang pekak. Seterusnya, pada bahagian keenam dihuraikan mengenai tujuan bahasa isyarat dalam pembelajaran agama khususnya kepada agama Islam. Pada bahagian ketujuh dibincangkan mengenai teori yang mendasari kajian iaitu Model Taba dan Teori Konstruktivisme Sosial. Kemudian, pada bahagian kelapan dibincangkan mengenai kajian-kajian berkaitan dengan bahasa isyarat sama ada di dalam dan luar negara.

#### **Pengenalan Kurikulum**

Kurikulum merupakan suatu pengalaman pembelajaran daripada kehidupan nyata dan tidak nyata yang dipilih, diorganisasi dan disusun oleh sarjana pendidikan dan pakar kurikulum secara teliti dan professional, demi menjadikan pelbagai jenis aktiviti pembelajaran nyata dan tidak nyata dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik dan tersusun (Ahmad Subri Shuib, 2009).

Menurut Norlidah Alias et. al., (2014) kurikulum bukan sekadar satu label yang merujuk atau menjelaskan tentang satu entiti atau perbuatan tetapi adalah suatu konsep yang telah melalui beberapa tahap transformasi justeru meninggalkan kesan-kesan dalam bentuk idea, model, dan tindakan-tindakan yang dihasilkan dalam projek-projek di sekolah dan di institusi pendidikan. Manakala menurut kamus Dewan (2005) kurikulum merupakan suatu skop atau isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sebuah sekolah atau institusi pendidikan. Smith (2014) menyatakan bahawa kurikulum merupakan suatu perancangan, penyusunan dan penilitian yang ditulis bagi memenuhi keperluan pendidikan individu yang diambil hasil daripada pengalaman murid dan pandangan guru yang berpegalaman. Selain itu, menurut Ahid (2014) kurikulum dilihat sebagai suatu bahan iaitu melalui kegiatan berdasarkan pengalaman murid dan kepakaran guru dalam merangka dan dihasilkan sebagai suatu dokumen bertulis supaya dapat menjadi panduan untuk mencapai matlamat pengajaran.

Pembentukan dan perancangan kurikulum seharusnya mantap dan kukuh supaya setiap fasa dalam pembentukan dan perancangan dilaksanakan secara konsisten dan logikal malahan juga memenuhi keperluan dalam perkembangan individu yang meliputi pengalaman masa silam, pandangan dan perspektif sesuatu dalam hidup dan keinginan serta keperluan pada masa akan datang ( Norlidah Alias, et. al., 2014). Selain itu, menurut Kelly (2006), kurikulum perlulah lebih lengkap dan menyeluruh serta mengandungi matlamat, objektf, isi kandungan, proses, sumber dan cara penilaian yang bersesuaian dan mantap. Hal ini menunjukkan bahawa perencanaan kurikulum perlulah mempunyai asas yang teguh supaya perencanaannya bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan individu seseorang.

Oleh itu, dapat dirumuskan disini bahawa kurikulum boleh dibahagikan kepada empat komponen iaitu objektif kurikulum, kandungan kurikulum sama ada berupa akademi dan bukan akademi serta sukatan pelajaran, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan proses penilaian.

### **Perkembangan Pendidikan Bahasa Isyarat di Dunia**

Bahasa isyarat merupakan suatu bentuk komunikasi yang digunakan oleh komuniti pekak (Wilbur, 2013). Penggunaan bahasa isyarat boleh juga digunakan oleh golongan yang mempunyai masalah dalam bertutur, golongan yang tidak boleh mempelajari bahasa melalui pertuturan, dan golongan yang tidak boleh mendengar (Enns et. al., 2014). Seperti bahasa yang lain, penggunaan bahasa isyarat memudahkan komunikasi kepada komuniti pekak dan memberi peluang kepada golongan ini meluahkan rasa, pendapat, idea, perasaan dan sebagainya (Lim, 2006). Keunikan bahasa isyarat dapat dilihat apabila timbul bentuk atau simbol tangan yang memberi makna sesuatu perkara (Loughran, 2013). Selain itu, bahasa badan dan ekspresi muka menjadi daya tarikan dan intonasi dalam penggunaan bahasa isyarat (Wilbur, 2013).

Seperti bahasa-bahasa yang lain, bahasa isyarat mempunyai sejarah perkembangan bahasa yang tersendiri. Sejarah permulaan kemunculan bahasa isyarat masih kabur dan tidak jelas diperkatakan. Namun, menurut Moores (1996) terdapat rekod penulisan di Cratylus oleh Plato mengenai dialog antara ahli falsafah zaman Greek iaitu Socrates dan Hermogenes di dalam Levinson (1967) mengenai penggunaan bahasa isyarat. Di dalam dialog itu Socrates mengatakan bahawa :

*“Sekiranya kita tidak memiliki suara atau lidah, dan ingin menggambarkan sesuatu semasa sendiri, tidakkah kita akan cuba membuat isyarat dengan menggerakkan tangan, kepala, dan seluruh badan kita, sebagaimana golongan yang pekak lakukannya sekarang?”*

Di dalam petikan dialog daripada Socrates menunjukkan bahawa pada zaman Greek lagi telah wujud penggunaan bahasa isyarat kepada golongan pekak. Perkara ini menunjukkan bahawa bahasa isyarat telah muncul dan dipergunakan sejak dahulu lagi. Namun menurut Larson dan Hallen (1998) kemungkinan bahasa isyarat telah muncul seratus ribu tahun dahulu dimana manusia zaman purba menggunakan isyarat untuk berkomunikasi kerana perkembangan bahasa ketika itu adalah terhad. Kenyataan daripada Larson et. al., (1998) masih tidak dapat membuktikan secara kukuh kemunculan bahasa isyarat. Namun, adalah dapat kita yakini bahawa bahasa isyarat, ekspresi muka dan bahasa badan pasti akan dilakukan oleh manusia sejak daripada dahulu lagi di dalam komunikasi sama ada secara sedar ataupun tidak sedar (Hagen, 2011).

Permulaan sejarah manusia mendapati manusia menggunakan bahasa isyarat ringkas untuk menerangkan sesuatu asas idea (Moores, 1996). Walaupun semasa menggunakan vokal dalam berkomunikasi, manusia masih lagi akan menggerakkan isyarat pada tangan, mewujudkan ekspresi muka dan pergerakan bahasa badan untuk menyampaikan idea (Hagen, 2012). Ketika zaman purba golongan pekak sering ditindas dan dizalimi oleh golongan tipikal dan golongan pekak tidak diberi peluang untuk membangunkan serta memperkembangkan bahasa isyarat mereka (Moores, 1996). Titik permulaan yang dikenal pasti datang bahasa isyarat secara formal dapat di lihat pada abad keenam belas di Sepanyol (Moores, 1996). Sejarahnya bermula pada tahun 1500 Pedro Ponce De Leor merupakan seorang rahib di St Benedict dan merupakan guru pertama orang pekak. Beliau telah

menubuhkan sebuah sekolah orang pekak pertama untuk golongan bangsawan yang mempunyai keturunan pekak sahaja. Pada awal pemulaan beliau telah mengajar dua orang adik-beradik perempuan Valesco yang pekak iaitu Fransisco de Valesco dan Pedro de Valesco dan selepas itu sekolahnya bertambah kepada dua belas orang murid. Beliau telah mencipta bahasa isyaratnya sendiri dan digunakan oleh kanak-kanak pekak ketika itu. King Phlip IV telah melaporkan ketika Pedro mengajar murid pekak, beliau telah menggunakan jari melalui perkara yang ditulis oleh beliau dan menjelaskan kepada murid lambang bentuk tangan yang dilakukan olehnya (Moores, 1996).

Seterusnya pada tahun 1620 Juan Pablo Bonet seorang askar yang bekerja dengan sebuah keluarga Juan Fernandez de Velesco yang berada dan mempunyai anak pekak. Beliau telah membantu keluarga ini dalam mendidik anak pekak mereka iaitu Luis. Beliau juga telah menghasilkan sebuah buku pertama mengenai pengajaran kepada orang pekak yang bertajuk "*The Reduction of Letters and the Art of Teaching the Mute to Speak*". Di dalam buku ini menghuraikan mengenai penggunaan abjad dan ejaan jari dalam mengajar murid pekak. Di Sepanyol terdapat sebuah kawasan yang dikenali sebagai Martha Vineyard. Kawasan berkenaan telah dihuni oleh dua ratus pendatang yang mempunyai dominan gen daripada baka pekak. Disebabkan mereka kebanyakannya dilahirkan sebagai orang pekak kerana keturunan mereka adalah membawa gen pekak, maka penggunaan bahasa isyarat telah menjadi medium utama dalam komunikasi antara mereka. Hal ini menyebabkan mereka sentiasa mewarisi penggunaan bahasa isyarat tersebut (Moores, 1996).

Kemudian, pada tahun 1712 di Perancis terdapat seorang paderi yang bernama Abbe Charles Michel de L'Epee mempunyai pengaruh yang besar dalam pendidikan kepada golongan pekak. Beliau telah digelar sebagai bapa bahasa isyarat dan Pendidikan Orang Pekak kerana beliau yang menubuhkan sekolah percuma awam untuk orang pekak di Paris

(Moores, 1996). Pada suatu hari, Michel de L'Epee telah menemui dua orang adik-beradik perempuan pekak yang berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat. Beliau sangat teruja dengan komunikasi yang dilakukan dan beliau beranggapan bahawa golongan pekak boleh dan cepat belajar dengan menggunakan bahasa isyarat. Beliau juga telah membuat tindakan dengan menstandardkan perkataan bahasa isyarat untuk bahasa Perancis. Kemudian, beliau telah memperkenalkan cara pengajaran kepada golongan pekak dengan menggunakan bahasa isyarat iaitu "*the methodical sign system*". Selain itu, pada tahun 1862 beliau telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk "*Surdosloquins (The Speaking Deaf)*" yang menceritakan mengenai penggunaan dan kepentingan bahasa isyarat kepada golongan pekak. Setelah itu, beliau telah melatih De L'Epee dan membangunkan sebuah sekolah pekak pertama di Vienna pada tahun 1789 (Moores, 1996).

Usaha Michel de L'Epee ini telah diambil alih oleh Abbe' Roch Ambroise Sicard pada tahun 1742 dengan meneruskan method isyarat kepada golongan pekak (Moores, 1996). Abbe Sincard merupakan seorang paderi dan guru yang dilatih oleh Michel de L'Epee. Beliau telah mengambil alih sebagai guru besar sekolah pekak di Vienna. Beliau juga telah meneruskan usaha yang dijalankan oleh Michel de L'Epee dengan mengajar kepada murid pekak menggunakan bahasa isyarat sehingga beliau telah menghasilkan sebuah buku mengenai cara pengajaran kepada murid pekak (Moores, 1996).

Seterusnya, di Amerika Syarikat, sejarah bahasa Isyarat mengalami kemajuan sama seperti negara yang lain. Di Amerika, bahasa isyarat telah lahir sebelum didokumentasikan dan digunakan sebelum diakui sebagai sebuah bahasa (Moores, 1996). Menurut Moores (1996) para sejarawan dan guru yang mengajar murid pekak telah berusaha untuk mendapatkan perakuan bahawa bahasa isyarat digelarkan sebagai suatu bahasa. Bahasa isyarat telah diguna pakai dalam keadaan bukan formal dan diperturunkan daripada keluarga

serta ikatan sosial. Perkembangan bahasa isyarat di Amerika dimulakan sejak awal 1800. Ketika itu Thomas Hopkins Gallaudet ingin membantu jirannya iaitu Alice Cogswell yang pekak. Disebabkan minat dan keprihatinan beliau terhadap orang pekak beliau telah ke England pada tahun 1816 untuk melihat sistem pendidikan disana. Beliau juga, telah ke Perancis untuk berjumpa dengan pewaris I'pee dan Abbe Sincard untuk mengetahui penggunaan dan kepentingan bahasa isyarat kepada golongan pekak. Setelah itu, beliau telah berjumpa dengan Lauren Clard. Lauren Clard telah melakukan demostrasi cara menggunakan bahasa isyarat sehingga menyebabkan Thomas Hopkins berasa kagum dengan bahasa isyarat dan mengkaji sedalamnya mengenai penggunaanya. Setelah itu, beliau telah mengundang Lauren Clard untuk menetap di Amerika Syarikat bagi membuka sekolah pekak di sana. Mereka berdua telah bekerjasama dalam menghasilkan SEE atau dikenali sebagai *Sign Exact English* yang bertujuan untuk membantu golongan pekak mempelajari bahasa Inggeris (Moores, 1996).

Moores (1996) juga mengatakan bahawa walaupun SEE digunakan tetapi murid pekak telah berkomunikasi dengan cara yang lain dan tidak mengikut struktur dalam SEE. Komunikasi yang digunakan oleh murid pekak ketika itu telah berkembang selari dengan penggunaan SEE. Akhirnya, golongan pekak telah ramai menggunakan komunikasi mereka sendiri berbanding daripada menggunakan SEE . Perkara ini menyebabkan pakar linguistik telah mengkaji penggunaan komunikasi berkenaan dan komunikasi berkenaan telah dikenali sebagai *America Sign Language* (ASL). Pakar Linguistik mengatakan bahawa ASL merupakan suatu bahasa yang digunakan oleh orang pekak di Amerika dan mempunyai fungsinya tersendiri. Pada abad ke dua puluh terdapat saintis mengkaji penggunaan ASL. Daripada kajian itu mendapati ASL merupakan suatu bahasa dan mempunyai struktur dan tatabahasanya yang tersendiri. Kemudian, ASL telah berkembang di seluruh Amerika

malahan terdapat komuniti pekak daripada negara lain mempelajari ASL dan membawa pengetahuan ASL itu ke negara masing-masing. Mereka telah mengambil sedikit bentuk isyarat Amerika dan disesuaikan dengan keadaan tempatan (Moores, 1996).

Namun, bukan kesemua negara mengambil ASL sebagai rujukan dalam pembangunan bahasa isyarat, terdapat negara-negara lain seperti negara Arab, Britain, Jepun, Korea dan sebagainya mempunyai bahasa isyarat sendiri tanpa mengambil idea daripada ASL ( Wilbur, 2013). Perkembangan dan penggunaan bahasa isyarat semakin bekembang dan menjadi bahasa utama dalam komuniti pekak.

Kini, hampir setiap negara mempunyai bahasa isyarat mereka tersendiri. Walaupun, setiap negara mempunyai bahasa isyarat sendiri yang berbeza simbol dan pergerakan tangan mengikut keadaan, budaya, kepercayaan serta tempat tetapi cara penggunaan bahasa itu tetap merupakan bahasa yang tidak memerlukan pertuturan dalam berkomunikasi ( Loughran, 2013).

### **Perkembangan Pendidikan Bahasa Isyarat di Malaysia**

Permulaan bahasa isyarat di Malaysia tidak dapat di kenal pasti tetapi perkembangan bahasa isyarat secara formal telah dikenal pasti apabila bermula di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Persekutuan (SKPKP) yang merupakan sebahagian Sekolah Kanak-kanak Pekak Persekutuan atau dikenali sebagai *Federation School For the Deaf* (FSD) (Lim, 2006).

Disebabkan kesedaran daripada Toh Puan Lady Templer tentang keperluan pendidikan khas kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran akhirnya beliau telah menubuhkan FSD pada tahun 1954. Hal ini berlaku kerana Dr. Field daripada Unit Pedetrik Universiti Hong Kong telah membuat kajian mengenai orang pekak di Malaya pada tahun 1952. Beliau mendapati terdapat segelintir kanak-kanak pekak ditempatkan di hospital

mental Tanjung Rambutan kerana mereka tidak boleh bercakap dan mendengar. Oleh itu, Dr. Field telah berjumpa dengan Toh Puan Lady Templer bagi menceritakan permasalahan ini. Maka akhirnya Toh Puan Lady Templer telah menubuhkan FSD. FSD merupakan sekolah untuk kanak-kanak pendidikan khas pekak yang pertama. FSD bermula dengan tujuh orang murid dan dua orang guru yang bertempat di Jalan Northam, Pulau Pinang (Lim, 2006).

Dengan itu maka bermulalah murid- murid pekak dari seluruh Tanah Melayu berebut peluang untuk masuk ke sekolah ini. Menjelang tahun 1959, bilangan pelajar pendidikan khas (pendengaran) telah meningkat sehingga 60 orang. Namun, di sekolah berkenaan telah menjadikan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah oralisme sebagai medium dalam komunikasi (Mohamed Sazali Shaari, 2005). Walaubagaimanapun, murid-murid di sekolah berkenaan telah membangunkan isyarat-isyarat tangan mereka sendiri apabila mereka menggunakannya di asrama pada waktu malam (Lim, 2006). Kanak-kanak pekak yang terdiri daripada pelbagai keturunan telah mencipta isyarat tangan mereka sendiri dan digunakan secara berleluasa dalam kehidupan seharian. Maka pembentukan kosa kata isyarat tangan itu semakin membentuk dan berkembang (Mohamed Sazali Shaari, 2005).

Pada tahun 1960 Tan Yap telah pergi ke Amerika Syarikat untuk mempelajari bahasa isyarat Amerika (ASL) dan ingin mengetahui lebih mendalam mengenai budaya orang pekak di Kolej Gallaudet, Amerika. Beliau telah membawa sebuah buku bahasa isyarat Amerika ke Malaysia sebelum penggunaan bahasa isyarat dimasukkan di dalam sistem pendidikan orang pekak. Sekembali beliau di tanah air beliau telah menyebarkan bahasa isyarat dengan menubuhkan persatuan dan kelab sosial untuk meningkatkan pembangunan komuniti orang pekak. Beliau telah menubuhkan Persatuan Jurubahasa Isyarat untuk golongan pekak Selangor dan pusat perkhidmatan komuniti untuk orang pekak di Bukit Nenas Kuala Lumpur. Perjuangan beliau terhadap bahasa isyarat dan pembangunan kehidupan golongan

pekkak telah menjangkau selam 40 tahun sehingga beliau digelar sebagai bapa orang pekkak di Malaysia (Lim, 2006).

Kemudian, Elanor Culas yang merupakan orang pekkak Malaysia yang pertama belajar di luar negara. Beliau telah belajar di Kolej Gallaudet kini digelar sebagai Universiti Gallaudet, Washington DC, Amerika Syarikat. Sekembali beliau ke Malaysia, beliau telah memperjuangkan penggunaan bahasa isyarat dalam kalangan orang pekkak dan menyatakan bahawa bahasa isyarat merupakan sebahagian dalam kehidupan orang pekkak (Lim, 2006). Oleh itu, beliau telah menjemput Professor Frances Parsons iaitu wanita pekkak Amerika untuk memperkenalkan komunikasi seluruh dan bahasa isyarat di seluruh sekolah pekkak Malaysia pada tahun 1976. Beliau telah menemui Dr. Mahathir Mohammad, yang ketika itu merupakan Menteri Pendidikan untuk menerangkan mengenai penggunaan Komunikasi Seluruh di sekolah pekkak. Komunikasi seluruh merupakan suatu falsafah yang melibatkan penggunaan oral, bacaan bibir, bahasa badan, dan penggunaan bahan visual untuk mengajar murid pekkak. Falsafah komunikasi seluruh yang diperkenalkan oleh oleh Elannor Culas telah dipersetujui oleh Dr Mahathir Mohammad (Lim, 2006).

Setelah itu, Kod tangan Bahasa Melayu telah diperkenalkan bagi selari dengan penggunaan komunikasi seluruh. Sebuah Jawatankuasa Kebangsaan Komunikasi Seluruh telah dibentuk pada 4 Mac 1978 yang dipengerusi oleh Professor Dr. Asmah Hj. Omar dari Universiti Malaya atas kapasitinya sebagai pakar bahasa. Tugas Jawatankuasa kerja ini adalah untuk menyusun kod tangan bahasa Melayu daripada darjah 1 hingga darjah 6. Tujuan pembentukan kod tangan bahasa Melayu ini adalah untuk memperbaiki kelemahan bahasa Melayu dalam kalangan murid bermasalah pendengaran (Saadiah Ahmad, 2009). Selain itu, kod tangan bahasa Melayu sedikit sebanyak dapat membantu murid pekkak untuk membentuk ayat bahasa Melayu dengan baik (Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamed, 2009).

Akhirnya 3 buah jilid buku kod tangan bahasa Melayu telah dikeluarkan dan digunakan oleh sekolah pekak di seluruh negara (Saadiah Ahmad, 2009).

Walaupun KTBM telah diwujudkan tetapi KTBM bukanlah suatu bahasa tetapi merupakan kod tangan yang dibentuk dan digubal bagi memudahkan orang pekak mempelajari bahasa Melayu (Abdullah Yusoff et. al., 2009). Hal ini menyebabkan golongan pekak tetap menggunakan suatu isyarat yang berbeza struktur dan pembentukan ayatnya daripada bahasa Melayu.

Pada Tahun 1996, Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi menganjurkan dua aktiviti di peringkat antarabangsa iaitu *5 th Asia Pasific Deaf Games* dan *World Federation of the Deaf Asia Pacific Conference : Bilingualisme in Deaf Education* di Putra World Trade Centre (PWTC). Pada masa itu, ramai orang pekak dari seluruh dunia datang ke Malaysia. Pada masa yang sama, orang pekak daripada negara lain mempersoalkan ketiadaan bahasa isyarat Malaysia dan masih menggunakan bahasa isyarat negara asing iaitu bahasa isyarat Amerika (Lim, 2006).

Oleh itu, pada tahun yang sama komuniti pekak telah bersepakat untuk memulakan projek bahasa isyarat Malaysia (BIM). Pada tahun 2000 bahasa isyarat Malaysia (BIM) telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi orang pekak di Malaysia dan kemudiannya diiktiraf oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Penggunaan istilah bahasa Isyarat Malaysia (BIM) telah ditukar kepada *Malaysia Sign Language* (MySL) (Mohamed Sazali Shaari, 2005).

Pada tahun 2005, Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) telah menujuhan Pusat Latihan Bahasa Isyarat Malaysia (*MySL training Centre*) yang bertujuan untuk memberi komunikasi antara golongan pekak dan golongan tipikal. Melalui Bajet 2007, pusat ini berjaya menuju objektif yang disasarkan, iaitu menjadi sebuah pusat latihan yang lengkap

dan setanding dengan pusat pembelajaran yang lain. Matlamat utamanya seperti melatih Jurubahasa Isyarat Profesional dengan kerjasama *International University College of Technology Twintech* (IUCTT) iaitu membantu meningkatkan penguasaan bahasa isyarat kepada guru-guru, kaunselor sekolah pendidikan khas serta kakitangan sektor kerajaan yang berurusan dengan orang pekak. Selain itu, matlamat lain adalah untuk mewujudkan komunikasi tanpa halangan di semua agensi yang menyediakan perkhidmatan kepada orang pekak dan membangunkan Perkhidmatan Penterjemahan Dalam Talian (online) serta Kamus Bahasa Isyarat Maya untuk manfaat semua rakyat. Kini MySL atau BIM telah digunakan dengan meluas oleh orang pekak di Malaysia serta menjadi kebanggaan buat mereka. Usaha yang dilakukan oleh badan-badan NGO pekak telah menyebabkan ramai yang berminat dan ingin mempelajari bahasa isyarat (Mohamed Sazali Shaari, 2005).

### **Perkembangan Bahasa Isyarat Islam di Dunia**

Sejarah mengenai penggunaan bahasa isyarat dalam agama Islam kurang dikenal pasti kemunculannya. Namun, sejak zaman Rasulullah lagi penggunaan isyarat dan bahasa badan telah digunakan oleh baginda dalam usaha menerangkan hal-hal yang cukup penting dan untuk menarik perhatian orang yang menyemaknya (Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, 2011). Rasulullah sering menggunakan isyarat melalui anggota tubuh badan Baginda sebagai sokongan atau penguat terhadap perkara yang Baginda jelaskan (Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, 2011).

Menurut Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah (2011) telah menyenaraikan sembilan jenis hadis Rasulullah mengenai penggunaan isyarat dan bahasa badan dalam strategi pengajaran Rasulullah. Antara contohnya ialah :

Imam al-Bukhari dan Imam Muslim (dengan lafaz hadis berasal dari Imam al-Bukhari) meriwayatkan dari Abu Musa Al-Asya`ari bahwasanya Rasulullah SAW bersabda :

*“Perumpaan orang mukmin bagi mukmin yang lain adalah laksana suatu bangunan yang bahagian-bahagiannya saling mengukuhkan satu sama lain”. (Kemudian Baginda menganyam jari-jari kedua tangannya sebagai isyarat di atas penjelasannya)*

(Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, 2011)

Imam Al-Bukhari meriwayatkan dari Sahl bin Sa`d al-Sa`di. Dia berkata bahawa Rasulullah SAW telah bersabda :

*“Aku dan pemelihara (pengasuh) anak yatim akan berada di syurga laksana dua (jari) ini (Baginda memperlihatkan kedua jari Baginda, jari telunjuk dan jari tengah), dan antara keduanya saling melengkapi”.*

(Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, 2011)

Al-Hafiz Al-Haitsami menyebutkan di dalam kitab Mawarid al-Dham-an ila Zawaid ibni Hibban a'ala al-sahihhain (halaman 64) (dalam sebuah hadis yang diriwayatkan) dari 'Uqbah bin `Amir bahawasanya Rasulullah SAW bersabda :

*“Suatu ketika matahari akan mendekati bumi sehingga semua manusia akan mengeluarkan keringat. Di antara mereka ada yang keringatnya (menggenang) sampai batas kedua buku lali mereka; di antara mereka yang lain ada yang keringatnya (menggenang) hingga ke batas kedua lutut mereka; di antara mereka yang lain ada yang keringatnya (menggenang) sampai batas peha mereka; dan di antara mereka yang lain lagi ada yang keringatnya (menggenang) sampai batas perut mereka; dan di antara mereka ada yang kerringatnya (menggenang) sampai batas leher mereka; dan di antara mereka yang lain ada yang keringatnya (menggenang) hingga masuk ke dalam mulut mereka ('Uqbah menunjukkan mulutnya dengan tangannya dan mengaitkan kendali (tali kekang kuda) ke dalam mulutnya, lalu berkata : ‘Aku melihat Rasulullah SAW melakukan hal demikian’); dan di antara mereka yang lain ada yang tenggelam oleh keringat mereka sendiri (Baginda memberi isyarat dengan tangannya).”*

(Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, 2011)

Daripada hadis Rasulullah menunjukkan bahawa Rasulullah juga turut menggunakan simbol isyarat, ekspresi muka, dan bahasa badan dalam menyampaikan ajaran Islam kepada umatnya. Kewujudan golongan pekak pada zaman Rasulullah tidak dapat dikenal pasti tetapi gesaan Allah kepada Rasulullah supaya memberi didikan kepada semua tidak kira golongan

kurang upaya ataupun tidak telah dijelaskan dalam Surah Abasa ayat 1 hingga 11 yang bermaksud :

*“Ia memasamkan muka dan berpaling kerana ia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya wahai Muhammad)? Barangkali ia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapati daripadamu)! – ataupun ia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. Adapun orang yang merasakan keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Quran), maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya. Padahal engkau tidak bersalah kalau ia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya). Adapun orang yang segera datang kepadamu, dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah) – maka engkau berlengah-lengah melayaninya. Janganlah melakukan lagi yang sedemikian itu! Sebenarnya ayat-ayat Al-Quran adalah pengajaran dan peringatan (yang mencukupi). ”*

(Surah Abasa 80 : 1-11)

Daripada contoh hadis yang ditunjukkan mendapati bahawa sebenarnya Rasulullah SAW juga turut menggunakan bahasa isyarat dalam menerangkan maksud pengajaran yang ingin disampaikan kepada umatnya.

Perkembangan bahasa isyarat dan sejarah orang pekak dalam dunia Islam tidak dapat diketahui asal permulaannya. Namun menurut Moores (1996) telah menceritakan sedikit mengenai perkembangan pendidikan orang pekak Islam di tanah Arab. Selepas kejatuhan

Eropah Barat, Byzantine telah berusaha keras untuk menyebarkan ajaran agam Islam di seluruh dunia. Selama sepuluh tahun agama Islam disebarluaskan akhirnya Islam telah berkembang di Syria, Palestin, Iraq, Parsi, dan Mesir. Setelah itu, pada 718, Islam telah berkembang di Afrika Utara, Sepanyol, dan Portugal. Kemudian pada 732 pengaruh Islam tersebar di Perancis (Moores, 1996).

Ketika itu, empayar perkembangan Islam Byzantine dan dunia Islam lebih meluas dan maju daripada Eropah yang merupakan zaman kegelapan mereka. Kejayaan dan kemajuan Islam ketika itu menyebabkan lahirnya pelbagai ilmuan yang mahir dalam bidang-bidang tertentu. Misalnya seperti Ibn Sina, Al-Kawarizmi, dan sebagainya (Moores, 1996). Rhazes (850 hingga 920) merupakan ahli fizik Arab yang sangat berjaya ketika itu telah membahagikan golongan pekak kepada tiga kategori iaitu, kemerosotan pendengaran, pengurangan pendengaran, dan kehilangan pendengaran. Beliau mempercayai masalah pendengaran yang dihadapi oleh golongan ini boleh disembuh jika rawatan dimulakan pada sebelum umur menjangkau dua tahun (Moores, 1996).

Selain itu, menurut Wener, (1932) dalam Moores, (1996) mengatakan bahawa Ibn Sina (980-1037) merupakan tokoh fizik dan perubatan Islam yang hebat telah menggunakan teori Gelen yang merupakan ahli fizik Greek untuk merawat golongan yang menghadapi masalah pendengaran. Daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh ahli-ahli ilmuan Islam ini menunjukkan sebenarnya terdapat golongan pekak semasa zaman kegemilangan Islam ketika itu.

Walaupun pada masa itu, Islam mengalami zaman kegemilangan tetapi perkembangan pendidikan untuk golongan pekak adalah sangat kurang. Haj (1970) dalam Moores (1996) mengatakan bahawa di dalam Al-Quran hanya menceritakan mengenai keprihatinan dakwah kepada golongan buta sahaja. Manakala menurut Hamdi Ishak (2010)

mengatakan bahawa di dalam Al-Quran istilah pekak hanya digambarkan dan diumpamakan sebagai golongan Munafik dan golongan Musyrikin. Golongan pekak juga digambarkan sebagai balasan terhadap mereka yang kufur kepada Allah SWT di akhirat kelak.

Menurut Haj (1970) dalam Moores (1996) mengatakan bahawa golongan pekak jarang disebut di dalam literatur Arab dan golongan pekak menghadapi kesukaran dalam bersosial, menghadapi tekanan dalam sejarah hidup, kebijaksanaan dan agama. Selain itu Haj (1970) dalam Moores (1996) telah mendapat suatu sumber literatur Arab lama yang menceritakan masalah yang dihadapi oleh orang pekak :

*“Sesiapa yang mengalami masalah dalam pendengaran kurang diberi rasa hormat daripada masyarakat. Mereka mempunyai kehilangan bukan sahaja pendengaran tetapi tidak boleh berkomunikasi dan berdebat. Mereka juga, kehilangan nikmat untuk mendengar bunyi dan lagu. Masyarakat akan berasa bosan dan terbeban apabila bersama dengan golongan pekak kerana mereka tidak boleh bercerita dan berbual”.*

Dari pada kenyataan di atas menunjukkan bahawa golongan pekak telah wujud sekian lama dan wujud pada zaman kegemilangan Islam. Walaupun tidak ada menceritakan mengenai bentuk komunikasi yang digunakan oleh orang pekak ketika itu tetapi pastinya golongan pekak ketika itu mempunyai insentif dan usaha dalam berkomunikasi dan menyatakan hasrat sesuatu yang diingini iaitu dengan menggunakan bahasa badan dan ekspresi muka. Hal ini dapat dibuktikan melalui penulisan Hagen (2011) memgatakan bahawa setiap manusia daripada dahulu hingga kini pasti akan menggunakan bahasa badan dan ekspresi muka dalam menyatakan dan memperkuuhkan maklumat yang ingin disampaikan. Walaupun tanpa menggunakan suara dan menyebut perkataan, manusia boleh




menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa badan, ekspresi muka dan bahasa melalui pergerakan tangan (Hagen, 2011).

Kajian mengenai sejarah bahasa isyarat di tanah Arab masih kurang dan hanya menghuraikan mengenai adanya bahasa isyarat yang digunakan oleh orang pekak di tanah Arab dan perbezaannya mengikut negara di tanah Arab. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Ghaner, (2008) dan Trine, (2013) yang mengatakan bahawa golongan pekak di tanah Arab telah menggunakan bahasa isyarat sebagai bahasa utama dalam komunikasi mereka. Selain itu, menurut Al-Fityani dan Padden (2008 ) dan Trine (2013) setiap negara di tanah Arab mempunyai bahasa isyarat mereka tersendiri dan berkembang mengikut budaya dan cara hidup dalam sesebuah negara. Disebabkan bahasa isyarat itu berkembang mengikut budaya, amalan dan cara hidup masyarakat setempat, di negara-negara Arab juga tidak terlepas dalam menghasilkan isyarat-isyarat yang berkaitan dengan agama Islam (Al-Fityani et. al., 2008). Misalnya di negara Arab Saudi, Pakistan dan sebagainya telah berusaha untuk menghasilkan sebuah isyarat yang berkaitan agama Islam (Al- Fityani et. al., 2008 & Trine, 2013).

Pada tahun 2005 suatu pertubuhan persatuan yang dikenali sebagai *Deaf Muslim* telah ditubuhkan di Institut Teknologi Rochester, New York (Zakarna, Eldin et. al., 2013). Tujuan penubuhan persatuan ini adalah untuk memastikan konsep pendidikan agama Islam untuk orang pekak dapat disebarluaskan di seluruh dunia. Selain itu, usaha yang dilakukan oleh persatuan ini adalah dengan mengadakan terjemahan Al-Quran dalam bahasa isyarat Amerika. Projek ini dilakukan adalah untuk memastikan golongan pekak memahami dan menghayati intipati dalam Al-Quran. Persatuan ini juga, mengadakan pelbagai aktiviti bagi menarik golongan pekak di seluruh dunia menghayati dan menyintai Islam (Zakarna, Eldin et. al., 2013).

Pada 11 hingga 13 November 2013, sebuah forum antarabangsa orang pekak muslim yang buat julung kali pertamanya diadakan di Doha Qatar. Forum ini telah menghimpunkan orang pekak yang beragama Islam di seluruh dunia bagi membincangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan Islam dalam kalangan orang pekak. Antara isu yang diketengahkan dalam forum ini ialah pendidikan agama Islam kepada golongan pekak, pengajaran Al-Quran dan Sunnah kepada golongan pekak, cabaran orang pekak Muslim dan penggunaan teknologi serta perkhidmatan elektronik kepada golongan pekak dalam mendapatkan pendidikan Al-Quran dan Sunnah (Zakarna et. al., 2013). Pada forum ini mereka telah mempromosikan dan menyebarkan kamus bahasa isyarat berkaitan Islam kepada semua tetamu yang hadir pada forum berkenaan. Projek dalam menghasilkan Kamus bahasa Isyarat Islam telah diketuai oleh Ali Sennari dan Naji Zakarna (Zakarna et. al., 2013). Sebanyak 1200 isyarat berkaitan Islam telah diperkenalkan (Zakarna et. al., 2013). Dalam menghasilkan kamus berkenaan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Qatar telah mengundang lebih 50 daripada negara Arab dan pakar orang pekak sama ada yang pekak atau tipikal untuk membincangkan mengenai bahasa isyarat yang sesuai digunakan dalam agama Islam (Zakarna et. al., 2013).

Usaha dalam menyebarkan bahasa isyarat Islam ini merupakan usaha baru dan masih dalam tahap pembangunan. Kini, ramai masyarakat mula sedar terhadap kepentingan agama Islam kepada golongan pekak dan perlu diberikan keutamaan agar hak berpendidikan agama untuk golongan ini tidak ketinggalan.



Sumber : The Islamic Dictionary For The Deaf (2013).

## **Perkembangan Pendidikan Asas Fardhu Ain kepada Golongan Pekak**

Pendidikan fardhu ain merupakan suatu kewajipan yang perlu dipelajari oleh setiap orang Islam sama ada lelaki ataupun perempuan (Ismail Kamus et., al., 2009). Golongan pekak sememangnya wajib dalam mempelajari fardhu ain kerana mereka tetap di dalam golongan mukallaf (Hamdi Ishak et. al., 2010 & Mohd Huzairi Awang, et al., 2010). Oleh itu, pendidikan fardhu ain dalam kalangan golongan pekak turut mengalami perkembangan. Perkembangan pendidikan fardhu ain kepada golongan pekak dapat dilihat dari aspek perkembangan pendidikan fardhu ain untuk murid pekak dan perkembangan pendidikan fardhu ain untuk golongan pekak remaja dan dewasa.

### **Pekembangan Pendidikan Fardhu Ain untuk Murid Pekak**

Bagi perkembangan pendidikan fardhu ain untuk murid pekak adalah lebih kurang sama dengan perkembangan pendidikan fardhu ain untuk murid tipikal. Hal ini kerana, murid pekak mempelajari subjek mengikut kurikulum yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang kurikulumnya adalah sama seperti murid tipikal yang lain.(Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2005).

Menurut Mustapha Kamal Ahmad Kassim (2001) pencapaian cemerlang telah dicapai di dalam pelajaran pendidikan Islam dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun begitu, masalah yang sering ditimbulkan ialah masih ramai golongan pelajar dan remaja yang masih ketandusan ilmu perkara asas fardhu ain yang perlu diketahui oleh setiap individu muslim (Mustapha Kamal Ahmad Kassim, 2001).

Atas kesedaran ini pada 28 April 1993, bekas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Dato` Dr. Mohd Zahid bin Mohd Noordin telah mengarah dan memberi garis panduan supaya asas fardhu ain perlu dikuasai oleh semua murid sekolah di

seluruh Malaysia seratus peratus tanpa sebarang kecinciran atau kegagalan (Mustapha Kamal Ahmad Kassim, 2001).

Dengan arahan tersebut agensi Kementerian Pendidikan terdiri dari Bahagian Pendidikan Islam, Lembaga Peperiksaan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Buku Teks dan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan telah bermesyurat beberapa kali dan akhirnya mengenal pasti skop atau tajuk asas yang perlu dipelajari bagi menentukan penguasaan murid seratus peratus (Mustapha Kamal Ahmad Kassim, 2001). Antara tajuk asas fardhu ain yang perlu dipelajari ialah oleh murid ialah :

1. Mengucap dua kalimah syahadah
2. Rukun Islam
3. Rukun Iman
4. Beristinjak
5. Membersihkan diri, pakaian dan tempat daripada najis
6. Wuduk
7. Tayammum
8. Mandi Wajib
9. Aurat
10. Azan, Iqamah jawapannya dan doa selepas azan dan iqamah
11. Solat Fardhu
12. Solat Jenayah
13. Puasa
14. Adab terhadap ibu bapa
15. Perkahwinan (bagi peperiksaan SPM sahaja)
16. Ihsan

Pada 22 Disember 1993, Menteri Pendidikan telah mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai pelaksanaan PAFA dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM mulai sesi persekolahan 1994/1995. Hal ini diikuti dengan pekeliling Ikhtisas BII. 4/1994 bertarikh 12 Mac 1994 yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia ((Mustapha Kamal Ahmad Kassim, 2001). Kini, pembelajaran PAFA perlu dilaksanakan di sekolah termasuklah sekolah murid pekak rendah dan menengah yang mempelajari sukanan kurikulum PAFA sama dengan murid tipikal yang lain (Mohd Huzairi Awang, et al., 2010).

### **Perkembangan Pendidikan Asas Fardhu Ain untuk Golongan Pekak Remaja dan Dewasa**

Atas kesedaran kepentingan pendidikan agama untuk semua tidak kira sama ada golongan tipikal atau golongan pekak, kebanyakan Majlis Agama Islam setiap negeri telah bekerjasama dengan Persatuan Orang Pekak negeri bagi mengadakan kelas asas fardhu ain (KAFA) dan agama kepada golongan remaja dan dewasa pekak (Abdul Munir Ismail, 2009). Kelas pengajian agama dan KAFA golongan remaja dan dewasa pekak telah dimulakan pada awal tahun 1985 (Abdul Munir Ismail, 2009). Pada ketika itu kelas dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (BAHAEIS), kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pertengahan tahun 2000 JAKIM telah berpindah ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya, maka kelas pengajian agama dan KAFA untuk golongan pekak telah diambil alih oleh Jabatan Agama Islam Kuala Lumpur (Abdul Munir Ismail, 2009). Bermula disitu kelas KAFA pekak untuk remaja dan dewasa telah mula mendapat perhatian di beberapa buah negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan dan Johor (Abdul Munir Ismail, 2014).

Kelas KAFA remaja dan dewasa pekak telah diadakan pada setiap minggu iaitu selama sepuluh bulan (Abdul Munir Ismail, 2014). Majlis Agama Islam negeri telah bertindak sebagai penyelaras kelas fardhu ain remaja dan dewasa pekak dengan menyediakan kurikulum pembelajaran, jadual kelas, pelantikan guru, bayaran sugu hati guru dan jurubahasa isyarat (Abdul Munir Ismail, 2014). Tenaga pengajar terdiri daripada ustaz atau ustazah yang bertauliah dan dibantu oleh jurubahasa isyarat dalam menterjemahkan pengajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar (Abdul Munir Ismail, 2014). Namun, terdapat beberapa negeri yang telah memberi pengiktirafan kepada beberapa orang pekak untuk mengajar KAFA seperti di Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan (Abdul Munir Ismail, 2014). Melalui dapatan daripada Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) antara isi kandungan kelas KAFA yang diajar kepada golongan pekak remaja dan dewasa di beberapa buah negeri ialah :

1. Lafaz syahadah
2. Rukun Iman dan rukun Islam
3. Taharah
4. Aurat
5. Azan dan Iqamah
6. Solat
7. Puasa
8. Zakat
9. Haji dan umrah
10. Sembelihan dan korban
11. Perkahwinan
12. Ihsan dan sifat-sifat terpuji

13. Kaedah zikir dan selawat

14. Doa-doa harian

Walaupun kebanyakan Majlis agama Islam negeri telah mengadakan kelas KAFA untuk golongan pekak remaja dan dewasa tetapi pemahaman golongan pekak terhadap asas fardhu ain masih lagi kurang memuaskan dan masih tidak dapat dihayati dengan lebih mendalam (Abdul Munir Ismail, 2009). Hal ini kerana, kaedah pengajaran yang dipraktikkan kepada orang pekak tidak selaras dengan kehendak semasa orang pekak (Abdul Munir Ismail, 2009). Selain itu, terdapat istilah-istilah fardhu ain tidak difahami oleh golongan pekak dan bahasa isyarat yang berkaitan dengan fardhu ain masih berkurangan (Abdul Munir Ismail, 2009). Hal ini menyebabkan kelas KAFA untuk remaja dan dewasa pekak kurang mendapat sambutan sehingga kini (Abdul Munir Ismail, 2009).

### **Definisi Bahasa Isyarat**

Bahasa isyarat merupakan suatu bahasa yang tidak melibatkan verbal (Moores, 1996). Menurut Wilbur (2013) bahasa isyarat merupakan bahasa yang menggunakan komunikasi manual yang melibatkan pergerakan simbol tangan, bahasa badan dan ekspresi muka. Selain itu, bahasa isyarat merupakan suatu non verbal komunikasi yang tidak melibatkan pertuturan sebaliknya menggunakan pergerakan simbol pada tangan, ekspresi muka dan bahasa badan dalam menyampaikan sesuatu maklumat (Enns et. al., 2014). Bahasa isyarat juga, mempunyai tatabahasanya yang tersendiri dan pembentukan bahasa isyarat itu dibentuk mengikut keadaan persekitaran, amalan dan budaya yang diamalkan (Loughran, 2013). Menurut Wilbur (2013), bahasa isyarat merupakan bahasa yang unik kerana tidak melibatkan pertuturan sebaliknya menggunakan pergerakan tangan dan pembentukan simbol pada

tangan, eskpreksi muka yang menunjukkan intonasi penyampaian maklumat, dan bahasa badan yang dapat memperkuatkan penyampaian maklumat yang disampaikan.

Ramai pakar bahasa telah menyatakan bahawa bahasa isyarat merupakan suatu bahasa kerana bahasa isyarat mempunyai struktur tatabahasanya yang tersendiri, dan berkembang seperti bahasa yang lain (Haung, 2012). Selain itu, penggunaan bahasa isyarat sangat mudah digunakan dan penyampaiannya adalah terus (Enns et. al., 2014). Bahasa isyarat juga, menjadikan penggunanya berfikir secara visual kerana corak penyampaiannya adalah lebih ke arah visual kerana komunikasinya melibatkan penggunaan mata (Wilbur 2013).

Komuniti pekak di Malaysia telah menggunakan BIM sebagai komunikasi utama (Lim, 2006). Walaupun BIM merupakan bahasa utama yang digunakan oleh komuniti pekak tetapi setiap negeri di Malaysia mempunyai dialek bahasa isyarat mereka sendiri (Lim, 2006 & Abdullah Yusoff & Che Rabiah Yusoff Mohamed, 2009). Penggunaan bahasa isyarat yang digunakan di Malaysia berkembang selari dengan perkembangan dan kemajuan komuniti pekak (Lim, 2006 & Abdullah Yusoff et. al, 2009).

### **Tujuan Penggunaan Bahasa Isyarat kepada Golongan Pekak**

Bahasa isyarat merupakan suatu bahasa yang sangat menarik dan unik kerana tidak melibatkan pertuturan dalam berkomunikasi (Liberman, et., al., 2014). Selain itu, bahasa isyarat merupakan bahasa yang melibatkan pemikiran secara visual kepada penggunanya (Liberman, et., al., 2014) . Individu yang menggunakan bahasa isyarat perlulah berfikiran secara kreatif dalam berkomunikasi supaya maklumat dapat disampaikan dengan baik (Morgan, Meristo, Mann, Hjelmquist, Surian, & Siegal, 2014).

Antara tujuan penggunaan bahasa isyarat kepada golongan pekak ialah memudahkan komunikasi komuniti pekak (Wilbur, 2013). Menurut Wilbur (2013) mengatakan bahawa bahasa isyarat merupakan suatu medium utama komunikasi antara golongan pekak. Dengan adanya bahasa isyarat golongan pekak dapat menyampaikan maklumat dengan baik dan berkesan (Morgan et. al., 2014). Kebanyakan golongan pekak tidak boleh bertutur oleh itu mereka bergantung dengan mata untuk berkomunikasi secara visual iaitu dengan menggunakan bahasa isyarat (Loughran, 2013). Penggunaan bahasa isyarat membantu golongan pekak dalam mendapatkan maklumat dengan lebih baik dan berkesan (McKee et. al., 2014).

Selain itu, bahasa isyarat dapat meningkatkan kefahaman kepada golongan pekak. Sehubungan itu, peemerolehan bahasa pertama orang pekak adalah bahasa isyarat Loughran (2013). Penggunaan bahasa isyarat adalah lebih terus dan bermakna apabila disampaikan (Dubot et. al., 2014). Golongan pekak hanya bergantung kepada visual dan apa yang dilihat (Dubot et., al., 2014). Oleh itu, bahasa isyarat merupakan bahasa visual yang tidak melibatkan pertuturan dan golongan pekak lebih memahami apa yang disampaikan dengan menggunakan bahasa isyarat (Wilbur, 2013). Selain itu, penyampaian bahasa isyarat adalah terus dan mempunyai bentuk struktur ayat dan tatabahasanya sendiri (Haung et. al., 2014). Penggunaan tatabahasanya amat berbeza dengan tatabahasa bahasa lain (Wilbur, 2013). Terdapat tiga komponen yang perlu diketahui dalam tatabahasa isyarat iaitu subjek,(S) objek (O) dan verb (perbuatan) (V) (Dubot et. al., 2014). Komponen ini dapat bertukar dan maksudnya tetap adalah sama (Dubot et. al., 2014). Sebagai contoh :

ov - nasi makan...

vo - makan nasi...

sov - ali nasi makan...

svo - ali makan nasi...

ovs - nasi ali makan...

Oleh itu, tatabahasa dalam bahasa isyarat ini dapat membantu golongan pekak untuk memahami perkara yang disampaikan dengan lebih mudah dan terus (Dubot et, al., 2014).

Seterusnya, tujuan penggunaan bahasa isyarat dalam kalangan golongan pekak adalah untuk menggantikan pertuturan (Lim, 2006). Bagi golongan pekak, pertuturan atau kaedah oralisme merupakan suatu kaedah yang sukar bagi diri mereka untuk mempelajarinya (Lim, 2006). Hal ini kerana kaedah oralisme memaksa golongan pekak untuk bertutur walaupun mereka kurang pendengaran (Lim, 2006). Bagi golongan pekak, penggunaan bahasa isyarat adalah lebih mudah untuk mereka berkomunikasi (Dubot et., al., 2014). Bahasa isyarat tidak memerlukan pertuturan, hanya memerlukan pergerakan simbol pada tangan, ekspresi muka dan bahasa badan sahaja (Wilbur, 2013). Pada awal pendidikan, golongan pekak diwajibkan untuk mempelajari pertuturan (Moores, 1996). Namun, kaedah pertuturan amat sukar bagi mereka dan kebanyakannya golongan pekak berasa malu untuk bertutur kerana mereka khuatir sekiranya mereka bertutur, mereka akan ditertawakan oleh golongan tipikal kerana mengeluarkan sebutan yang salah dan tidak tepat (Loughran, 2013). Selain itu, kebanyakannya golongan pekak sukar untuk membaca gerakan bibir yang disampaikan oleh penutur (Moores, 1996). Hal ini menyebabkan mereka kurang memahami dan menyalahafsirkan maksud yang disampaikan sehingga mereka keliru untuk bertutur (Wilbur, 2013). Oleh itu, mereka berasa senang menggunakan bahasa isyarat sebagai medium utama dalam komunikasi mereka bagi menggantikan pertuturan (Loughran, 2013).

Bahasa isyarat juga bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada semua golongan pekak dengan lebih baik (Willoughby, 2010). Menurut Morgan et., al., (2014) kognitif pemikiran golongan pekak tidak sama seperti golongan tipikal. Ada sesestengah

golongan pekak kurang mendapatkan pendidikan yang baik dan ini menyebabkan penguasaan bahasa lain mereka adalah terhad (Willoughby, 2010). Oleh itu, bahasa isyarat merupakan bahasa yang sangat sesuai dan ideal untuk disampaikan maklumat kepada semua golongan pekak kerana corak pemikiran mereka adalah secara visual (Austen & McGrath, 2006 & Willoughby, 2010). Willoughby (2010) turut mengatakan bahawa penggunaan bahasa isyarat mampu digunakan untuk menyampaikan maklumat kerana bahasa isyarat berkembang selari dengan kemajuan serta penghuraian bahasa isyarat amat sesuai digunakan kepada semua golongan pekak tidak kira sama ada terdapat golongan pekak mendapatkan pendidikan bahasa yang baik ataupun tidak.

Selain itu, tujuan penggunaan bahasa isyarat kepada golongan pekak adalah kerana bahasa isyarat merupakan lambang budaya orang pekak (Cooper, Jody & Joel, 2013; & Loughran, 2013). Orang pekak sangat berasa bangga dengan bahasa isyarat yang ada pada mereka (Lim, 2013; & Cooper, et. al., 2013). Pada mereka bahasa isyarat merupakan lambang dan identiti budaya orang pekak (Lim, 2013 & Cooper et. al., 2013). Loughran (2013) mengatakan bahawa penggunaan bahasa isyarat dalam kalangan komuniti pekak dapat menyatupadukan komuniti mereka serta meningkatkan lagi perkembangan budaya pekak yang diamalkan oleh mereka. Dengan penggunaan bahasa isyarat menjadikan mereka lebih bersemangat untuk meneruskan hidup dan memperjuangkan hak-hak mereka sebagai golongan minoriti dalam sesebuah negara seperti hak kebajikan, pendidikan, pekerjaan dan sebagainya (Loughran, 2013). Jelaslah disini menunjukkan bahawa, bahasa isyarat merupakan suatu lambang dan identiti dalam budaya orang pekak di seluruh dunia.

## **Bahasa Isyarat untuk Tujuan Pembelajaran Agama Islam (Asas Fardhu Ain)**

Golongan pekak sememangnya wajib mempelajari agama (Mohd Huzairi Awang et., al., 2013). Mereka adalah manusia yang berakal dan dapat menerima dakwah serta mempelajari ilmu agama (Hamdi Ishak, 2010). Menurut Hamdi Ishak, et., al., (2012) golongan pekak wajib diberikan pendidikan agama sama seperti golongan tipikal yang lain supaya mereka berada di jalan kebenaran. Di samping itu, mereka juga perlu hidup seperti manusia lain, hidup dalam masyarakat dan beribadat kepada Allah kerana manusia diciptakan adalah untuk beribadat kepadaNya. Allah berfirman yang bermaksud :

*“Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaKu”*

(Surah Al-Zariyat 125)

Setiap umat Islam wajib diajar pendidikan Islam sebagai asas kekuatan dalaman peribadi muslim untuk mengharungi kehidupan yang mendatang (Mohd Huzairi Awang et. al., 2010).

Menurut Hamdi Ishak, (2010) terdapat beberapa cara yang membolehkan mereka menerima maklumat dan berkomunikasi, salah satunya dengan menggunakan bahasa isyarat. Penggunaan bahasa isyarat di dalam pengajaran dapat menarik minat golongan pekak untuk belajar kerana bahasa isyarat merupakan bahasa utama mereka (Wilbur, 2013). Oleh itu, penggunaan bahasa isyarat dalam mempelajari pendidikan Islam khususnya fardhu ain dapat menarik minat golongan pekak untuk mendalami ilmu agama (Huzairi Awang et. al., 2010). Perkara ini disokong oleh McKee dan McKee (2013) mengatakan bahawa menggunakan bahasa isyarat golongan pekak lebih mudah memahami ilmu yang disampaikan dan berasa berminat untuk mempelajarinya dalam sesuatu pengajaran. Sehubungan itu, jelaslah disini

menunjukkan bahawa penggunaan bahasa isyarat akan dapat menarik minat golongan pekak untuk mempelajari Islam.

Seterusnya, penggunaan bahasa isyarat dapat memudahkan komunikasi golongan pekak (Abdullah Yusoff et. al., 2009). Penggunaan bahasa isyarat di dalam pengajaran akan membolehkan golongan pekak bertanya, mengemukakan pendapat atau idea (Ross et. al., 2009). Selain itu, penyampaian dakwah dan agama dapat disampaikan dengan baik dan pemahaman mereka berkaitan agama akan dapat ditingkatkan jika menggunakan bahasa isyarat dalam komunikasi kepada golongan pekak. (Zakarna, et. al., 2013). Perkara ini disokong oleh Huzairi Awang et. al., (2010) pengajaran pendidikan Islam terutamanya dalam aspek fardhu ain perlu disampaikan dalam bentuk bahasa isyarat dan golongan yang memgajar golongan pekak perlulah menguasai bahasa isyarat. Oleh itu, jelaslah disini bahawa dalam pengajaran pendidikan Islam, adalah amat digalakkan menggunakan bahasa isyarat supaya golongan pekak dapat memahami dengan lebih baik mengenai perkara yang disampaikan.

### **Kerangka Teori**

Kerangka teori yang telah digunakan ialah Model Kurikulum Taba (!962) dan teori Konstruktivisme Sosial. Perbincangan kerangka teori dimulakan dengan model sebagai panduan di dalam mereka bentuk kurikulum ini. Seterusnya, teori pembelajaran konstruktivisme sosial untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Model Taba**

Model Taba merupakan suatu model kurikulum yang telah diubahsuai dari model kurikulum Tyler untuk menjadikan lebih praktikel dalam membangunkan sesuatu kurikulum (Norlidah Alias et. al, 2014). Taba mempercayai sesuatu kurikulum seharusnya dibentuk oleh

guru dan bukannya diturunkan daripada peringkat atas ke bawah iaitu guru memulakan proses unit pelajaran untuk pelajarnya dalam bilik darjah (Norlidah Alias, 2010).

Menurut Norlidah Alias, (2010) mengatakan bahawa Taba telah memperkenalkan pendekatan induktif untuk membina kurikulum iaitu bermula daripada yang spesifik kepada reka bentuk yang lebih umum. Terdapat 7 langkah dalam mereka bentuk sesuatu kurikulum iaitu :-

Langkah 1 : Diganostik keperluan

Langkah 2 : Menentukan objektif

Langkah 3 : Memilih kandungan


Langkah 4 : Menyusun organisasi kandungan

Langkah 5 : Memilih pengalaman pembelajaran

Langkah 6: Menyusun organisasi pengalaman

Langkah 7: menentukan apa yang hendak dinilai

Oleh itu, kajian ini telah menggunakan model Taba bagi mereka bentuk kurikulum bahasa isyarat Malaysia untuk golongan pekak bagi Perkara Asas Fardhu Ain. Selain itu, Model Taba digunakan dalam kajian ini supaya dapat mereka bentuk kurikulum yang tersusun dan praktikel serta boleh dibangunkannya pada masa akan datang. Berdasarkan model kurikulum Taba ini, pendekatan *Fuzzy Delphi* digunakan sebagai metod untuk membuat keputusan di dalam mereka bentuk kurikulum. Rajah 2.1 menunjukkan kegunaan Model Taba dalam mereka bentuk kurikulum Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk golongan pekak bagi Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA).



Rajah 2.1.. Model Taba (1962)

Sumber. Adaptasi dari Norlidah Alias, Abu Bakar Nordin, Saedah Siraj, dan Mohd Nazri Abdul Rahman (2014), *Kurikulum Satu Disiplin yang Dinamik* (hlm 38)

## **Teori Pembelajaran Konstruktivisme Sosial**


Konstruktivisme merupakan pendekatan pembelajaran yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina kefahaman terhadap perkara yang dipelajari dengan mewujudkan jaringan atau hubungan antara idea dan fakta yang sedang dipelajari (Woolfolk, 2005 & 2008). Konstruktivisme sosial dipelopori oleh Lev Vygotsky (1896 – 1934) seorang ahli psikologi Belarus, Rusia. Menurut Vygotsky mengatakan bahawa pelajar merupakan sebagai pembina pengetahuan dan bukan sebagai penerima pengetahuan (Woolfolk, 2008). Di dalam teori ini, menjelaskan bahawa pelajar membina pengetahuan tentang topik yang dipelajari dengan cara mengaitkan topik tersebut dengan pengetahuan atau pengalaman yang sedia ada (Zurainu Mat Jasin & Abdull Shukor Shaari, 2012). Oleh itu, konteks sosial memainkan peranan utama dalam pembelajaran sosial. Justeru, teori konstruktivisme sosial melihat pembelajaran manusia dalam konteks sosial-budaya (Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying, & Sharifah Fakhirah Syed Ahmad, 2009; & Sang 2010). Dalam konteks sosial inilah individu berkongsi dan saling membina pengetahuan baharu. Pengetahuan dengan orang lain memberikan peluang kepada pelajar untuk menilai dan meningkatkan pengetahuan diri memandangkan mereka terdedah kepada pemikiran orang lain dan berkongsi membina pengalaman (Woolfolk, 2008).

Kajian ini telah menggunakan teori konstruktivisme sosial dalam pelaksanaan reka bentuk modul kurikulum bahasa isyarat Malaysia untuk perkara asas fardhu ain kepada golongan pekak. Pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum ini menggunakan teori ini dimana guru akan memandu pelajar sekiranya pelajar menghadapi masalah dalam mempelajari bahasa isyarat dan pelajar boleh merujuk guru dan rakan yang lebih cerdas semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan .

Menurut Vygotsky, isi pelajaran mudah dikuasai pelajar jika berasaskan skema ataupun pengetahuan sedia ada. Zon perkembangan proksimal (ZPD) merujuk kepada tugasan pembelajaran yang sukar dilakukan sendiri oleh pelajar dan akan dibimbang oleh orang berkemahiran seperti guru atau rakan yang cerdas (Woolfolk, 2008). Sekiranya pelajar dapat melakukannya sendiri tugasan yang diberi maka isi pelajaran dikatakan berada pada zon bawah. Sebaliknya, jika pelajar dapat menguasai tugasan dengan bimbingan orang lain, tugasan tersebut berada pada zon ZPD. Sekiranya pelajar berada di zon atas, menunjukkan isi pelajaran tidak akan dapat dikuasai pelajar walaupun bimbingan orang lain. Oleh itu, di dalam kajian ini, pelajar akan diberikan tugasan seperti mengaplikasikan bahasa isyarat yang telah dipelajari dalam komunikasi, memberi penyampaian mengenai fardhu ain dalam bahasa isyarat, dan latihan mengajar fardhu ain dengan menggunakan bahasa isyarat. Oleh itu, sekiranya pelajar memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar dalam proses pembelajaran dan menyiapkan tugasan yang diberikan maka kedudukan pelajar pada zon ZPD akan berlaku. Pada masa ini guru akan berperanan dalam memberi bimbingan sekiranya mereka menghadapi masalah dan pelajar boleh merujuk juga kepada rakan yang lebih cerdas untuk membantu dalam tugasan.

*Scaffolding* merupakan bimbingan dan sokongan yang dilakukan mengikut keperluan pelajar. Bimbingan akan dikurangkan apabila pelajar telah menguasai peringkat demi peringkat. Akhirnya bimbingan dilepaskan apabila pelajar telah dapat melakukannya sendiri (Woolfolk 2008). Dalam hal ini, *scaffolding* boleh diaplikasikan dalam kajian ini iaitu pertama guru akan membimbang pelajar sekiranya mereka menghadapi masalah dalam mempelajari bahasa isyarat dan menyempurnakan tugasan yang diberi. Kedua, contoh ZPD ialah pelajar sentiasa boleh merujuk kepada guru dan kepada rakan yang lebih cerdas semasa pengajaran dan pembelajaran. Ketiga, sokongan lain seperti mencari maklumat lain di

internet, buku, dan bahan-bahan yang bersesuaian boleh digunakan dalam memastikan pembelajaran dan tugas yang diberikan dapat disempurnakan dengan baik (Woolfolk, 2005).




*Rajah 2.2.. Teori Konstruktivisme Sosial*

Sumber. Adaptasi dari Woolfolk A.H. (2008), Educational Psychology (edisi ketiga), *Construktivisme theory*.

## Kerangka Konsep Kajian

Model kurikulum Taba dan Teori Konstruktivisme Sosial ini digabungkan untuk kajian ini. Rajah 2.3 menunjukkan kerangka konsep kajian yang memaparkan Model Taba, Teori Konstruktivisme Sosial, dan reka bentuk kurikulum BIM untuk PAFA bagi golongan pekak yang merangkumi aspek objektif, isi kandungan, aktiviti pembelajaran dan bentuk penilaian mengikut kesepakatan pakar.



Rajah 2.3. Kerangka Konsep Kajian

## **Kajian-Kajian Berkaitan Penggunaan Bahasa Isyarat, Kurikulum Bahasa Isyarat dan Kepentingan Beragama kepada Golongan Pekak di Luar Negara**

Dalam kajian Loughran (2013) adalah berkaitan mengenai perkembangan bahasa isyarat dan budaya orang pekak pada sebelum era penjajahan. Kajian ini telah menunjukkan sejarah orang pekak pada suatu ketika dahulu sebelum era penjajahan mereka mempelajari oralisme di sekolah, tetapi mereka tetap menggunakan bahasa isyarat sebagai medium utama dalam berkomunikasi. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa walaupun terdapat alternatif komunikasi untuk golongan pekak seperti kaedah oralisme tetapi golongan pekak tetap menggunakan bahasa isyarat sebagai medium utama dalam komunikasi mereka kerana bahasa isyarat merupakan sebahagian daripada budaya orang pekak itu sendiri.

Selain itu, kajian Wilbur (2013) adalah berkaitan dengan kepentingan penggunaan bahasa isyarat dalam berkomunikasi untuk golongan pekak. Dalam kajian beliau mendapati penggunaan bahasa isyarat bukan sahaja melibatkan isyarat simbol daripada tangan semata-mata sahaja, tetapi perlu disampaikan dengan menggunakan bahasa badan dan ekspreksi muka. Seseorang yang berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat perlulah kreatif dalam menyampaikannya kerana bahasa isyarat mempunyai tatabahasanya tersendiri. Selain itu, bahasa isyarat merupakan komunikasi yang sangat sesuai disampaikan kepada golongan pekak kerana kebanyakan golongan pekak tidak boleh mendengar dan mereka bergantung kepada deria penglihatan atau visual dalam berkomunikasi.

Sementara itu, dalam kajian Haung (2012) menunjukkan bahawa pemahaman dan penguasaan ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar pekak adalah lebih baik dengan menggunakan bahasa isyarat sebagai medium komunikasi utama dalam pengajaran. Melalui ujian bahasa isyarat British yang dilakukan kepada murid pekak yang berusia 4 hingga 8 tahun mendapati murid pekak boleh memahami sesuatu perkara dan meningkatkan kefahaman

mereka sekiranya menggunakan bahasa isyarat sebagai medium utama dalam komunikasi. Oleh itu, amat bersesuai sekiranya pengajaran disampaikan kepada murid pekak dengan menggunakan bahasa isyarat.

Melalui kajian Lieberman et. al., (2014) menunjukkan bahawa bahasa isyarat dapat membantu golongan pekak memahami sesuatu perkara dengan lebih mudah. Di dalam kajian mereka terhadap 21 orang tipikal dan 21 orang pekak mendapati bahawa pembelajaran bahasa isyarat akan dapat dikuasai sekiranya pembelajaran mereka melalui pengalaman. Misalnya pengalaman berkomunikasi dengan menggunakan bahasa isyarat, pengalaman persembahan menggunakan bahasa isyarat atau pengalaman menjadi jurubahasa isyarat akan dapat membantu seseorang itu menguasai bahasa isyarat dengan lebih baik dan mudah.

Seterusnya di dalam kajian Dubot et. al., (2014), adalah berkaitan mengenai perkembangan tatabahasa (sintaksis) bahasa isyarat. Di dalam kajian mereka mendapati bahawa penggunaan bahasa isyarat perlulah lebih terus. Ayat-ayat di dalam bahasa isyarat hanya membawa maksud yang hendak disampaikan iaitu melibatkan tiga perkara iaitu subjek, objek dan kata kerja sahaja. Selain itu, bahasa isyarat akan memudahkan pemahaman orang pekak dengan lebih jelas.

Manakala kajian Barclay, Rider dan Dombo (2013) adalah mengenai literatur rohani, agama dan kesihatan mental terhadap orang pekak. Dapatan kajian mendapati bahawa kebanyakkan kajian hanya tertumpu kepada kecacatan keseluruhan sahaja. Manakala kajian mengenai orang pekak adalah terhad. Selain itu, kebanyakkan kajian tertumpu kepada agama kristian bagi orang pekak berbanding agama lain di seluruh dunia. Bahkan belum ada kajian spesifik mengenai pembangunan kerohanian bagi orang pekak. Di dalam kajian ini juga,

mendapati bahawa bahasa isyarat merupakan satu-satunya bentuk komunikasi yang sangat berkesan dalam menyampaikan maklumat kepada golongan pekak.

Di dalam kajian Friedner (2014) juga, telah mengkaji bahawa kepentingan agama perlu diterapkan dalam kalangan orang pekak supaya golongan pekak dapat membangunkan diri mereka. Beliau telah mengkaji peranan Gereja di Bangalore India dalam usaha membantu remaja pekak di sana untuk membangunkan potensi diri dan membantu membimbing remaja pekak dalam mendapatkan pendidikan agama.

Bagi kajian kurikulum untuk golongan pekak telah dilakukan oleh Ross et. al., (2009) yang telah mengkaji pembangunan kurikulum pengajaran kemahiran Insaniah kepada golongan pekak untuk melahirkan juruteknik makmal tenaga kerja pada masa hadapan. Kajian ini telah membangunkan suatu kurikulum untuk menghasilkan juruteknik makmal tenaga kerja yang berwibawa dalam kalangan golongan pekak. Dalam membangunkan kurikulum untuk menghasilkan dan membentuk juruteknik makmal tenaga kerja yang berwibawa, aspek yang perlu diterapkan adalah kemahiran, pembelajaran sepanjang hayat dan kandungan teknikal. Selain itu, kajian ini turut mengatakan dalam memberi pengajaran kepada golongan pekak perlulah diberi bimbingan dan pengalaman yang sewajarnya supaya golongan ini dapat mempelajarinya dengan lebih mudah dan berkesan.

Manakala di dalam kajian Berman, et. al., (2011) telah membuat kajian mengenai pembangunan kurikulum anti tembakau berasaskan sekolah untuk golongan remaja pekak. Kurikulum anti tembakau ini telah digunakan kepada murid pekak yang berusia 7 hingga 12 tahun di tiga buah sekolah pekak. Kajian ini menunjukkan kurikulum untuk anti tembakau perlu dilaksanakan di sekolah kerana dapat memberi pendedahan kepada golongan pekak mengenai bahaya tembakau kepada manusia. Pelaksanaan kurikulum ini telah menyebabkan

ramai pelajar pekak telah mula sedar tentang bahaya tembakau. Di dalam kurikulum ini juga, menekankan aspek pengajaran berdasarkan pengalaman, bimbingan dan tunjuk ajar dengan menggunakan bahan visual dan maujud supaya pelajar pekak lebih faham isi pelajaran yang disampaikan.

### **Kajian-Kajian Berkaitan Penggunaan Bahasa Isyarat, Kurikulum Bahasa Isyarat dan Kepentingan Beragama kepada Golongan Pekak dalam Negara**

Di dalam kajian Zulkifli Md Ali et. al., (2010) adalah berkaitan kesan penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dalam kalangan pelajar pekak. Seramai 65 pelajar pekak daripada 3 buah negeri telah dipilih secara rawak untuk melihat penggunaan BIM dalam kalangan pelajar. Hasil kajian mendapati kesemua murid menggunakan BIM sebagai bahasa utama dalam berkomunikasi dan mereka lebih memahami sesuatu arahan, pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan BIM. Hal ini menunjukkan bahawa BIM sangat penting digunakan dalam memberi sesuatu pengetahuan dan kemahiran kerana BIM merupakan bahasa utama komuniti pekak.

Selain itu, di dalam kajian Abdullah Yusoff, (2002) dan Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamed, (2004), telah membuat kajian mengenai penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid pekak. Daripada kajian mereka mendapati pelajar pekak telah menjadikan BIM sebagai bahasa utama dalam komunikasi. Dengan menggunakan BIM pelajar pekak dapat berfikir, belajar dan meluahkan pemikiran. Seterusnya, di dalam kajian Abdullah Yusoff et. al., (2009) telah membuktikan mengenai kepentingkan bahasa isyarat kepada orang pekak. Di dalam kajian beliau mendapati bahawa bahasa isyarat mempunyai struktur bentuk tatabahasa mereka yang tersendiri dan bahasa isyarat merupakan suatu bahasa.

Seterusnya di dalam kajian Shahrul Arba`iah Othman (2001) telah membuat kajian mengenai implikasi penggunaan kod tangan bahasa melayu terhadap pencapaian perbendaharaan kata dan ejaan di kalangan pelajar tingkatan 2. Di dalam kajian beliau mendapati di dalam berkomunikasi secara harian, pelajar pekak akan menggunakan BIM kerana BIM lebih mudah difahami dan mudah disampaikan.

Dari segi aspek kurikulum tidak banyak diceritakan mengenai kurikulum berkaitan pengajaran dan pembelajaran kepada golongan pekak. Namun, daripada kajian Mohd Mokhtar Tahar et. al., (2005); Mohd Hanafi Mohd Yasin (2005); Mohd Huzairi Awang et., al., (2010); dan Hamdi Ishak et., al., (2010) telah menyarankan bahawa pengajaran dan pembelajaran kepada golongan pekak perlulah dibuat suatu sukanan atau kurikulum baru yang besesuaian dengan golongan mereka supaya pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan baik dan berkesan.

Manakala bagi aspek kepentingan beragama, fardhu ain dan pendidikan Islam kepada golongan pekak telah banyak dikaji pada masa ini. Antaranya kajian daripada Hamdi Ishak et. al., (2010) telah mengkaji mengenai amalan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam kepada pelajar pekak. Dapatan kajian mendapati guru-guru kurang berkemahiran dalam mengajar, penggunaan kurikulum yang kurang sesuai, tidak berkemahiran menggunakan bahasa isyarat dan tidak mempunyai teknik atau cara yang betul dalam mengajar pelajar pekak. Hal ini menyebabkan pelajar pekak kurang berminat untuk mempelajari pendidikan Islam.

Selain itu, di dalam kajian Mohd Huzairi Awang et. al., (2010) telah mengkaji persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadapa pembelajaran fardhu ain. Dapatan kajian mendapati pelajar pekak sebenarnya meminati pembelajaran fardhu ain, mereka beranggapan

pembelajaran fardhu ain itu penting dalam kehidupan mereka tetapi disebabkan penagajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru kurang bermakna menyebabkan mereka kurang tumpuan dalam perkara asas fardhu ain. Faktor disebabkan permasalahan itu adalah kerana cara pemnyampaian guru, ketidakmahiran guru dalam bahasa isyarat dan guru tidak berkemahiran dalam mengajar fardhu ain kepada pelajar pekak.

Seterusnya di dalam kajian Mohd Mokhtar Tahar et., al., (2005) mendapati pengajaran dan pembelajaran kepada golongan isitimewa mengenai pendidikan Islam adalah sangat kurang kerana kekurangan kepakaran dalam mengajar golongan sebegini, kurikulum yang kurang sesuai dan kurang penerapan pengajaran agama kepada golongan istimewa.

Manakala di dalam kajian Siti Muhibah Nor (2010) telah menunjukkan bahawa kesukaran pemahaman pelajar pekak terhadap subjek pendidikan Islam adalah kerana guru kurang berkemahiran dalam bahasa isyarat, tiada isyarat yang bersuaian berkaitan agama dan tiada kaedah yang bersesuaian dalam mengajar subjek pendidikan islam kepada pelajar pekak.

Kajian Nafiseh Alaghehband Ghadim, Nazean Jomhari, Norlidah Alias, Syar Meeze Mohd Rashid, dan Mohd Yakub @ ZulkifliMohd Yusoff (2013) telah menemu bual ibu bapa yang mempunyai anak pekak dan melihat perspektif mereka terhadap Pendidikan Islam bagi murid bermasalah pendengaran di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat kebimbangan yang disuarakan oleh ibu yang mempunyai anak pekak iaitu kekurangan sokongan keluarga dalam pendidikan, budaya Melayu berhubung dengan kanak-kanak kurang upaya, rasa tidak puas hati pelaksanaan pendidikan al-Quran bagi murid pekak di sekolah dan kekurangan sokongan teknologi di sekolah-sekolah bagi membantu pembelajaran murid pekak.

Kesimpulannya, reka bentuk kurikulum bahasa isyarat Malaysia (BIM) untuk golongan pekak bagi perkara asas fardhu ain (PAFA) perlu dibentuk bagi membantu para pendidik dan golongan pekak mempelajari PAFA dengan lebih baik pada masa akan datang.